

Kepentingan Semangat Cintakan Negara Di Kalangan Para Pelajar Politeknik Malaysia Melalui Penglibatan Bersama Pasukan Beruniform

Zuraiti Binti Hj Che Amat¹, Hj Hazril Hisham Bin Hussin², Khairul Safuan Bin Mohamad Isa³

¹Politeknik Sultan Azlan Shah

²Politeknik Ungku Omar

³Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

ABSTRAK

Semangat cintakan negara banyak diterapkan sejak dari bangku persekolahan lagi. Institusi pendidikan tinggi khususnya Politeknik Malaysia tidak terkecuali dalam memainkan peranan untuk memupuk budaya sayang, prihatin dan bertanggungjawab kepada negara tercinta. Kajian ini bertujuan menerapkan semangat kenegaraan melalui penglibatan para pelajar dalam pasukan-pasukan beruniform di Politeknik Malaysia. Seterusnya ia bertumpukan kepada kesedaran para pelajar untuk bersedia menjadi barisan hadapan negara sekiranya menghadapi bencana atau malapetaka. Selain daripada itu, proses pengumpulan data berbentuk kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Taburan borang soal selidik diedarkan kepada sebahagian para pelajar Politeknik Malaysia Zon Utara yang diambil untuk menjadi responden kajian. Pada umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mengakui semangat kenegaraan perlu diterapkan dan diperluaskan kepada para pelajar Politeknik Malaysia dan amnya institusi pengajian tinggi negara. Ia turut selari dengan fokus kedua iaitu persetujuan di mana para pelajar perlu bersedia untuk menjadi barisan hadapan negara sekiranya dilanda musibah dan sebagainya. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian ini diharapkan berupaya memandu pihak pentadbir atau pengurusan insititusi pengajian tinggi samada awam atau swasta serta Politeknik Malaysia khasnya untuk mewajibkan semua pelajar mengikuti program atau kursus bersama pasukan beruniform demi negara tercinta.

Kata Kunci: Semangat Cintakan Negara

1.0 PENGENALAN

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Semangat cintakan negara amat penting diterapkan di kalangan para pelajar Politeknik Malaysia. Namun begitu, pada masa kini banyak telah terhakis dalam kehidupan anak-anak muda sekarang. Mereka pada umumnya hanya berpaksikan kepada keseronokan dan tanpa mengambilkira fokus utama untuk menjadi tulang belakang dan tonggak kekuatan negara. Tidak dinafikan bahawa saban tahun setiap kali sambutan hari kemerdekaan negara, ia akan diraikan dengan meriah (Sinar Harian, 2018).

Amalan menyemai semangat cintakan negara selalu muncul apabila timbul atau hadirnya bulan kemerdekaan. Tidak rugi mengibarkan jalur gemilang kerana ia adalah tanda sayangnya rakyat Malaysia kepada tanahair (Abnor Hamizan, 2020). Namun yang demikian, ia adalah tidak mencukupi jika ia sekadar simbolik sahaja. Ia perlulah diisi dengan semangat jitu melalui pelbagai pendekatan yang menyeluruh dari segenap aspek yang berkaitan seperti mendalami ilmu semangat kenegaraan melalui penglibatan aktif bersama Pasukan Beruniform.

Justeru itu, perubahan semasa menunjukkan pemahaman dari segi penghayatan dan ertikata semangat cintakan negara seolah-olah kosong difikiran anak-anak muda dan tidak ketinggalan segelintir daripada para pelajar Politeknik Malaysia. Ia jelas diperhatikan dengan aktiviti atau melakukan yang tidak bermanfaat semasa menyambut kemerdekaan dan sebagainya.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Semangat cintakan negara boleh dibahagikan kepada beberapa perkara seperti, kemahuan untuk mempertahankan negara, pengukuhan semangat jati diri, kefahaman tentang budaya, amalan kehidupan dan sebagainya. Namun yang demikian, masih wujud warga yang mempertikaikan ketaatsetiaan sejati terhadap tanah air sendiri. Selain daripada itu, penggunaan medium atau perantara media sosial, tuduhan, fitnah, adu domba, malah kenyataan yang menyentuh sensitiviti agama dan budaya kian berleluasa. Ini menghadirkan polemik yang amat membimbangkan.

Melentur buluh biarlah dari rebungunya. Peribahasa tersebut sinonim dengan usaha untuk mengembeling dan membentuk warga muda untuk dicorakkan mengikut acuan tertentu. Oleh yang demikian, golongan muda terutamanya para pelajar perlu dibentuk jati diri, keperibadian dan sebagainya untuk berdiri mempertahankan negara tercinta (Nur Fatin, 2018). Justeru itu, kepentingan aspek ini dapat dilihat dengan jelas melalui pembinaan modal insan yang bercirikan semangat cintakan negara di kalangan para pelajar Politeknik Malaysia yang diterapkan melalui penglibatan bersama Pasukan Beruniform samada secara tetap mahupun sukarelawan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian kepentingan semangat cintakan negara di kalangan para pelajar Politeknik Malaysia melalui penglibatan bersama pasukan beruniform terbahagi kepada dua. Ia adalah seperti :

- i. Membina semangat kenegaraan di kalangan para pelajar Politeknik Malaysia
- ii. Kesiediaan para pelajar Politeknik Malaysia menjadi barisan hadapan negara sekiranya menghadapi bencana atau malapetaka

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah edaran borang soal selidik. Hasil dapatan kajian akan diakhiri dengan jumlah peratusan yang diterima dari data borang soal selidik. Menurut Mohamad Najib (1999), ia merangkumi beberapa perkara seperti persampelan, analisis data, instrumen kajian dan reka bentuk kajian.


4.1 Persampelan

Kaedah persampelan digunakan dalam kajian ini. Persampelan rawak mudah diambil dari 3 buah Politeknik zon tengah iaitu Politeknik Ungku Omar, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan Politeknik Sultan Azlan Shah. Bilangan responden untuk kajian ini adalah sekurang-kurangnya 375 orang pelajar. Ia mengambilkira anggaran bila pelajar dari ketiga-tiga buah politeknik berjumlah sekitar 15,000 orang (Kamarul Syukri, 2015). Kaedah ini dipilih dengan memberi peluang kepada semua pelajar yang berminat dari ketiga-tiga buah politeknik untuk melengkapkan borang soal selidik.

4.2 Tatacara Kerja

Pemilihan tajuk menjadi perkara pertama bagi melaksanakan kajian ini. Ia diikuti dengan penetapan pernyataan masalah atau isu kajian serta mengenalpasti responden. Justeru itu, 3 buah politeknik telah dipilih dengan mengambilkira lokasinya berada dalam zon tengah. Kemudian, ia diikuti dengan kerja-kerja pegumpulan maklumat.

Seterusnya merangka borang soal selidik, pengedaran kepada responden dan disusuli dengan kerja-kerja pengumpulan data. Ia diteruskan lagi dengan melaksanakan analisis, kesimpulan atau rumusan serta cadangan kajian. Rajah 1 menunjukkan tatacara kerja kajian dilaksanakan.



Rajah 1 : Tatacara Kerja

5.0 DAPATAN KAJIAN

Merujuk dapatan kajian, bahagian pertama dalam borang soal selidik adalah berkisar kepada data demografi. Soalan pertama adalah menjurus kepada penglibatan para pelajar dari 3 buah politeknik yang bertindak sebagai responden kajian. Politeknik Ungku Omar mewakili seramai 144 orang pelajar (38.4%), Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah seramai 120 orang pelajar (32%) dan diikuti oleh Politeknik Sultan Azlan Shah seramai 111 orang pelajar (29.6%).

Soalan kedua adalah berkenaan dengan pecahan mengikut jabatan akademik. Data menunjukkan bilangan pelajar yang terlibat adalah seperti jadual 1.

Jadual 1 : Bilangan/Peratusan Responden Mengikut Jabatan Akademik

| BIL | JABATAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|-----------------------------------|------------------|---------------|
| 1 | Kejuruteraan Awam | 74 | 19.7 |
| 2 | Kejuruteraan Elektrik | 103 | 27.5 |
| 3 | Kejuruteraan Mekanikal | 167 | 44.5 |
| 4 | Perdagangan | 30 | 8 |
| 5 | Perkapalan | - | - |
| 6 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi | 1 | 0.3 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Seterusnya soalan ketiga adalah berkenaan dengan jantina pelajar (responden). Dapatan kajian adalah seperti jadual 2.

Jadual 2 : Bilangan/Peratusan Responden Mengikut Jantina

| BIL | JANTINA | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|----------------|------------------|---------------|
| 1 | Pelajar Lelaki | 227 | 60.9 |
| 2 | Pelajar Wanita | 148 | 39.1 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Soalan keempat merujuk kepada semester pengajian responden. Ia terbahagi dari pelajar di semester 1 hingga pelajar yang berada di semester 10. Perincian dapatan kajian adalah seperti jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Bilangan/Peratusan Responden Mengikut Semester Pengajian

| BIL | JABATAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|-------------|------------------|---------------|
| 1 | Semester 1 | 201 | 53.7 |
| 2 | Semester 2 | 19 | 5.1 |
| 3 | Semester 3 | 81 | 21.7 |
| 4 | Semester 4 | 21 | 5.3 |
| 5 | Semester 5 | 39 | 10.4 |
| 6 | Semester 6 | 14 | 3.7 |
| 7 | Semester 7 | - | - |
| 8 | Semester 8 | 1 | 0.3 |
| 9 | Semester 9 | - | - |
| 10 | Semester 10 | 1 | 0.3 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Bahagian kedua dalam borang soal selidik adalah merujuk kepada penglibatan para pelajar dalam pasukan beruniform samada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi masing-masing. Ia dimulakan dengan keterlibatan mereka dalam pasukan beruniform. Justeru itu, jadual 4 menunjukkan samada responden pernah terlibat atau tidak dengan pasukan beruniform.

Jadual 4 : Bilangan/Peratusan Keterlibatan Responden Dengan Pasukan Beruniform

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|------------|------------------|---------------|
| 1 | Ya | 233 | 62.1 |
| 2 | Tidak | 147 | 37.9 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Ia diikuti dengan faktor minat para pelajar untuk menyertai pasukan beruniform. Sekitar 73.9% (277 orang) responden menyatakan minat untuk menceburi atau menganggotai pasukan beruniform manakala 26.1% (98 orang) menyatakan tidak berminat.

Seterusnya diteruskan dengan faktor latar belakang keluarga samada pernah terlibat atau berkhidmat dengan pasukan keselamatan atau penguatkuasa negara. Berdasarkan kajian, statistik menunjukkan hampir separuh daripada bilangan responden mempunyai ahli keluarga yang pernah berkhidmat dengan pasukan keselamatan atau penguatkuasa negara iaitu 169 orang (45.1%). 206 orang responden (54.9%) menyatakan tiada ahli keluarga yang terlibat dengan pasukan keselamatan atau penguatkuasa negara.

Kajian pula beralih ke persoalan seterusnya iaitu samada responden atau para pelajar mendapat galakan daripada ahli keluarga terdekat untuk menceburi atau menyertai pasukan beruniform di institusi pengajian masing-masing. Sebanyak 65.9% mewakili seramai 247 orang pelajar mendapat galakan daripada ahli keluarga agar menyertai pasukan beruniform manakala 34.1% iaitu seramai 1128 orang pelajar tidak mendapat dorongan dari ahli keluarga terdekat untuk menyertai pasukan beruniform.

Bahagian ketiga pula merujuk kepada maklumat berkenaan semangat kenegaraan. Bahagian ini dimulakan dengan persoalan berkenaan kenyataan bahawa menyertai pasukan beruniform akan meningkatkan jati diri para pelajar. Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan kajian berkenaan kenyataan tersebut.

Jadual 5 : Menunjukkan Data Menyertai Pasukan Beruniform Akan Meningkatkan Jati Diri

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 20 | 5.3 |
| 2 | Tidak Setuju | 7 | 1.9 |
| 3 | Tidak Pasti | 30 | 8 |
| 4 | Setuju | 188 | 50.1 |
| 5 | Sangat Setuju | 130 | 38.1 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Seterusnya kajian merujuk kepada penerimaan sekiranya ada unsur-unsur, tindakan, kenyataan atau perkara-perkara yang boleh menjejaskan maruah negara. Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian berhubung perkara tersebut.

Jadual 6 : Menunjukkan Penerimaan Sekiranya Ada Unsur-Unsur, Tindakan, Kenyataan Atau Perkara-Perkara Yang Boleh Menjejaskan Maruah Negara.

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 12 | 3.2 |
| 2 | Tidak Setuju | 6 | 1.6 |
| 3 | Tidak Pasti | 8 | 2.1 |
| 4 | Setuju | 109 | 29.1 |
| 5 | Sangat Setuju | 239 | 63.9 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Jadual 7 : Menunjukkan Tindakan akan Menasihati Rakan-Rakan Yang Terkeliru, Mempersendakan Atau Mengganggu Gugat Kestabilan Dan Keharmonian Negara

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 9 | 2.4 |
| 2 | Tidak Setuju | 4 | 1.1 |
| 3 | Tidak Pasti | 21 | 5.6 |
| 4 | Setuju | 195 | 52 |
| 5 | Sangat Setuju | 146 | 38.9 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Seterusnya, kita lihat dapatan bagi persoalan yang merujuk kepada bahagian 4. Ia adalah berkenaan dengan kesedaran para pelajar. Jadual 8 menyatakan bahawa penglibatan aktiviti di luar bilik kuliah terutamanya kokurikulum dengan menyertai pasukan beruniform adalah baik.

Jadual 8 : Menunjukkan Penglibatan aktiviti di luar bilik kuliah terutamanya kokurikulum dengan menyertai pasukan beruniform adalah baik

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 6 | 1.6 |
| 2 | Tidak Setuju | 5 | 1.3 |
| 3 | Tidak Pasti | 37 | 9.9 |
| 4 | Setuju | 193 | 51.6 |
| 5 | Sangat Setuju | 133 | 35.6 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Soalan ke 14 pula merujuk kepada semangat kenegaraan atau jati diri perlu dipupuk sejak dari zaman persekolahan lagi. Jadual 9 menunjukkan semangat kenegaraan atau jati diri perlu dipupuk sejak dari zaman persekolahan lagi.

Jadual 9 : Menunjukkan Semangat Kenegaraan Atau Jati Diri Perlu Dipupuk Sejak Dari Zaman Persekolahan Lagi

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 5 | 1.3 |
| 2 | Tidak Setuju | 2 | 0.5 |
| 3 | Tidak Pasti | 6 | 1.6 |
| 4 | Setuju | 134 | 34.9 |
| 5 | Sangat Setuju | 231 | 61.6 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Persoalan seterusnya adalah merujuk kepada cadangan agar semua pelajar yang berada di semester 1 disarankan untuk menyertai Pasukan Beruniform. Jadual 10 menunjukkan dapatan kajian berkenaan pelajar semester 1 disarankan untuk menyertai Pasukan Beruniform.

Jadual 10 : Menyatakan Pelajar Semester 1 Disarankan Agar Menyertai Pasukan Beruniform

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 16 | 4.3 |
| 2 | Tidak Setuju | 16 | 4.3 |
| 3 | Tidak Pasti | 96 | 25.7 |
| 4 | Setuju | 133 | 35.6 |
| 5 | Sangat Setuju | 113 | 30.2 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Kajian seterusnya berkisar mengenai sokongan kepada pihak pengurusan Politeknik Malaysia agar mewajibkan semua pelajar semester 1 menyertai Pasukan Beruniform.

Jadual 11 : Menunjukkan Sokongan Kepada Pihak Pengurusan Politeknik Malaysia Agar Mewajibkan Para Pelajar Menyertai Pasukan Beruniform.

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 16 | 4.3 |
| 2 | Tidak Setuju | 20 | 5.3 |
| 3 | Tidak Pasti | 87 | 23.2 |
| 4 | Setuju | 142 | 37.9 |
| 5 | Sangat Setuju | 110 | 29.3 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Seramai 100 orang responden (pelajar) menyokong kenyataan pelajar yang menyertai Pasukan Beruniform boleh menjadi banteng pertahanan negara. Jadual 12 menunjukkan statistik dapatan sokongan kepada kenyataan pelajar yang menyertai Pasukan Beruniform boleh menjadi banteng pertahanan Negara.

Jadual 12 : Menunjukkan Kenyataan Sokongan Bahawa Pelajar Yang Menyertai Pasukan Beruniform Boleh Menjadi Banteng Pertahanan Negara.

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 9 | 2.4 |
| 2 | Tidak Setuju | 7 | 1.9 |
| 3 | Tidak Pasti | 37 | 9.9 |
| 4 | Setuju | 202 | 53.9 |
| 5 | Sangat Setuju | 120 | 32 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Dapatan kajian juga menunjukkan seramai 100 orang pelajar menyatakan bahawa para pelajar pada masa kini tidak menunjukkan minat untuk menyertai Pasukan Beruniform. Jadual 12 menunjukkan dapatan kajian merujuk kepada kenyataan bahawa para pelajar masa kini tidak berminat menyertai Pasukan Beruniform.

Jadual 13 : Menunjukkan Dapatan Berkenaan Minat Para Pelajar Masa Kini Untuk Menyertai Pasukan Beruniform.

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 4 | 1.1 |
| 2 | Tidak Setuju | 13 | 3.5 |
| 3 | Tidak Pasti | 73 | 19.6 |
| 4 | Setuju | 184 | 49.5 |
| 5 | Sangat Setuju | 98 | 26.3 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

Persolanan yang terakhir adalah merujuk kepada kenyataan bahawa para pelajar perlu diberikan penekanan dari segi semangat kenegaraan kerana mereka akan menjadi bakal pemimpin pada masa akan datang.

Jadual 14 : Menunjukkan Penekanan Kepada Semangat Kenegaraan Kerana Mereka Bakal Menjadi Peneraju Dalam Pemimpin Pada Masa Akan Datang.

| BIL | KETERANGAN | JUMLAH (PELAJAR) | PERATUSAN (%) |
|---------------------------------------|---------------------|------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Setuju | 5 | 1.3 |
| 2 | Tidak Setuju | 3 | 0.8 |
| 3 | Tidak Pasti | 15 | 4 |
| 4 | Setuju | 166 | 44.4 |
| 5 | Sangat Setuju | 185 | 49.5 |
| Jumlah Keseluruhan (Responden) | | 375 | 100 |

6.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rata-rata responden menyatakan bahawa penglibatan aktif atau keterlibatan bersama Pasukan Beruniform dapat meningkatkan jati diri, semangat kenegaraan dalam diri para pelajar. Ia bertepatan dengan objektif pertama yang ingin melihat aspek bina diri untuk mewujudkan semangat kenegaraan atau berpatritotisme dari dalam diri para pelajar (responden).

Selain daripada itu, dengan menyertai Pasukan Beruniform samada di peringkat awal persekolahan mahupun hingga ke menara gading, ia berjaya melahirkan insan yang mempunyai

semangat untuk mempertahankan negara dari sebarang anasir luar ataupun ketika menghadapi bencana. Mereka bersedia untuk bertindak sebagai tulang belakang negara bagi membantu menjaga kepentingan dan kedaulatan negara.

Justeru itu, kedua-dua objektif tercapai dengan merujuk kepada hasil dapatan kajian. Oleh yang demikian, penyelidik ingin menyarankan agar pengurusan Politeknik Malaysia terus mengekal, melaksana atau mewajibkan agar semua pelajar Politeknik Malaysia terlibat dengan Pasukan Beruniform khususnya di semester satu bagi menjadikan modal insan yang terhasil adalah mereka yang berjiwa kenegaraan, patriotisme dan berupaya menjadi bakal pemimpin ulung pada satu hari kelak.

RUJUKAN

- Abnor Hamizan Abd Manap (2020). "Semai Semangat Cintakan Negara"
am@mymetro.com.my
- Ahmad Ali Karim (2019). "Jangan Jadi Remaja Tanpa Semangat Kenegaraan". Utusan Online.
- Ahmad Fuad Ramdan (2020). "Perkhemahan Unit Beruniform Bentuk Kerjasama Dan Pupuk Disiplin Pelajar". Melaka Kini.
- Dr Al Azzahari Siddiq Kamunri (2019). "5 Prinsip Dalam Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih".
www.malaysiakini.com
- Dr Ismail Sualman (2019). "Sejauh Mana Cinta Terhadap Negara". www.sinarharian.com.my
- Dr Ku Hasnita Ku Samsu (2020). "Akur Korbankan Kebebasan Bukti Cintakan Negara",
www.bharian.com.my
- Dr Mahathir Mohamad (2019). "Semangat Setiakawan, Kenegaraan Tidak Harus Terhenti".
www.bharian.com.my
- Kamarul Shukri Mat Teh (2015). "Kaedah Persampelan".
www.slideshare.net/wmkfirdaus/pensampelan
- Masir Kujat (2012). "Semangat Patriotisme, Cintakan Tanahair Perlu Dipupuk Awal",
www.theborneopost.com
- Mohamad Aminnuraliff Mohd Zoki (2019). "Rapuhnya Nilai Cinta Tanahair Kita",
www.sinarharian.com.my
- Mohamad Ayob Abdul Razid (2018), "Setia Kepada Negara Tanda Cintakan Tanahair",
www.bharian.com.my
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan", Cetakan Pertama, Skudai, Johor.
Universiti Teknologi Malaysia. 37 - 44.
- Nur Fattin Abdul Khani (2018). "Usaha Meningkatkan Sikap Cinta akan Negara Dalam Golongan Muda". Universiti Putra Malaysia.
- Saleman Senin (2015). "Bina Disiplin, Jati Diri Melalui Program Badan Beruniform". Utusan Borneo.
- Suraya (2020). "Unit Beruniform Menjana Bakal Pemimpin Negara". asiacamp.my/tag/kokurikulum/